

Esteem juara Sukan Staf UMS 2012

UB 01-02-2012 A15

KOTA KINABALU: Kontinjen Esteem mengumpul 361 mata untuk menjuarai Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-12 2012 yang berlangsung di sini pada 27 hingga 29 Januari lalu.

Naib johan, kontinjen UMS Kampus Antarabangsa Labuan @ 1KAL yang meraih 338 mata, ketiga Twin Tower (261), keempat Hercules (246), kelima 6J (211) dan keenam D'Arts (136).

Lebih 600 atlet menyertai 17 acara sukan iaitu golf, bola tampar, olahraga, tenis, futsal, badminton, dart, carom, ping pong, boling, pool, hoki, catur, kayak, bola jaring, tarik tali dan sepak takraw.

Turut diadakan pertandingan karaoke dan battle of the bands manakala acara cabaran ke puncak akan diadakan pada 13 Februari di Dataran Dewan Canselor.

Kejohanan Sukan Staf UMS diadakan untuk memilih atlet terbaik bagi mewakili UMS ke Kejohanan Sukan Staf IPTA di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun ini.

Upacara penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon di Laman Graduan, Dewan Canselor, Ahad lalu.

Turut hadir Pendaftar UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf ke-12, Datuk Abdullah Mohd Said, Timbalan Pengerusi



ATLET kontinjen Esteem meraikan kejayaan mereka selepas menjuarai Sukan Staf UMS ke-12 bersama Naib Canselor dan Pendaftar UMS.

1, Mohd Asyraf Abdullah dan Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang merangkap Timbalan Pengerusi 2.

Manakala majlis perasmian yang disempurnakan oleh Dr Kamaruzaman di Stadium UMS pada 27 Januari lalu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Datuk Dr Mohd Kassim Mansur.

Kontinjen Esteem diketuai oleh Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Dr Normah Awang Besar, UMS-KAL @ 1KAL diketuai Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Bahagian Pengurusan Operasi, Mohd Edrus Othman mengetuai kontinjen Twin Tower.

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Darwis Awang mengetuai kontinjen Hercules, kontinjen 6J pula diketuai oleh Ketua Unit Penerbitan, Prof Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Prof Madya Dr Arsiah Bahron menerajui kontinjen D'Arts.

Dalam ucapannya,

Prof Datuk Dr Kamaruzaman mahu kakitangan UMS sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas termasuk bersenam pada setiap hari, tidak merokok dan tidak terbabit dengan kegiatan yang boleh menjejaskan mutu dan prestasi kerja mereka.

Beliau juga mahu kejohanan Sukan Staf itu dijadikan medan untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi, meningkatkan kerjasama dan memupuk

semangat perpaduan antara warga UMS yang berlainan latar belakang dan cara hidup.

"Kejohanan Sukan Staf adalah salah satu elemen penting dalam melahirkan modal insan yang berketrampilan, bertanggungjawab dan berdisiplin untuk mencapai kejayaan," katanya.

Sementara itu, Datuk Abdullah berharap Sukan Staf akan melahirkan lebih ramai bakat baru untuk mewakili

UMS ke kejohanan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa pada masa akan datang kerana sukan mampu menaikkan nama UMS di persada sukan tanahair.

Beliau juga mahu warga UMS membudayakan gaya hidup sihat dan cergas kerana kakitangan yang sihat akan berupaya meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan terutama pelajar dan masyarakat setempat.



NAIB johan Sukan Staf UMS 2012 disandang oleh kontinjen UMS-KAL@1KAL.



ABDULLAH (dua kanan) menyampaikan trofi kepada Azman Soibah.



KONTINJEN Twin Tower menduduki tempat ketiga keseluruhan.



TEMPAT keempat dimenangi oleh kontinjen Hercules.



WAKIL kontinjen 6J menerima cenderamata daripada Kamaruzaman sambil diperhatikan Abdullah (dua kanan), Shariff (dua kiri), Mohd Asyraf (kanan) dan Ag Asri (kiri).